

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BT. ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

SOALAN

PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR [PERMATANG PAUH] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan akta-akta yang bakal digubal untuk menggantikannya agar dapat mengatasi jenayah melampau seperti keganasan, pasca pemindahan atau pemansuhan akta-akta yang draconian dan terbuka untuk disalah guna seperti Akta Hasutan, POCA dan POTA.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-pertua,

Kerajaan sedang mengkaji semua undang-undang berkaitan keselamatan termasuklah Akta Hasutan 1948, Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 dan Akta Pencegahan Keganasan (POTA) 2015. Dalam hal ini, satu Jawatankuasa Khas yang dianggotai oleh pihak-pihak yang berkaitan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Peguam Negara (AGC), Badan Peguam Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) dan badan bukan kerajaan (NGO) telah ditubuhkan untuk menilai dan memperhalusi setiap peruntukan dalam undang-undang berkenaan dengan terperinci.

Kementerian ini dalam proses untuk menghantar hasil kajian berkaitan akta-akta ini kepada Jemaah Menteri untuk mendapatkan keputusan selanjutnya. Memandangkan proses bagi mendapatkan mandat Jemaah Menteri sedang dilaksanakan, maka saya belum boleh menyatakan di dewan yang mulia ini, sama ada undang-undang tersebut perlu dipinda atau dimansuhkan atau undang-undang yang baru perlu diwujudkan. Perkara ini juga perlu mengambil kira pelbagai fakta termasuklah daripada segi kelompongan undang-undang sekiranya akta-akta ini dimansuhkan secara mutlak.

Walau bagaimanapun, ingin merakamkan penghargaan kepada Ahli Yang Berhormat kerana telah meluluskan Rang Undang-undang Akta Perhimpunan Aman di dewan yang mulia ini. Pada masa yang sama, Kerajaan tetap memberi jaminan bahawa pindaan atau pemansuhan terhadap undang-undang yang berkaitan tidak akan menjejaskan usaha kerajaan dalam memelihara keselamatan negara daripada pelbagai ancaman termasuklah ancaman daripada kumpulan pengganas dan jenayah terancang. Pada masa yang sama kajian terhadap undang-undang ini turut mengambil kira aspek hak asasi manusia.